



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,  
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901  
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)  
: 06-5293932 (KEWANGAN)  
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my  
Laman Web : http://www.ppdjasin.edu.my



Rujukan Kami : PPDJ.PSM.600-6/1( 24 )  
Tarikh : 3 Februari 2010

Pengetua/ Guru Besar,  
SMK/SK/SJKC/SJKT,  
Daerah Jasin,  
Melaka.

Tuan,

**PERMOHONAN MENDUDUKI PENILAIAN PEMAHAMAN PTK  
DAN MENGULANG KOMPONEN PTK BAGI PPPS GRED DG48, DG52  
DAN DG54, PPPLD GRED DGA34 DAN DGA38 SERTA AKS GRED 26  
SECARA ATAS TALIAN SESI 1 TAHUN 2010**

Perkara di atas adalah dirujuk dengan hormatnya.

2. Bersama-sama ini dipanjangkan surat dari Bahagian Pembangunan Dan Penilaian Kompetensi, Kementerian Pelajaran Malaysia berhubung perkara tersebut untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian , terima kasih.


**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

( YUSOF BIN AHMAD )

Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

s.k 1. Jabatan Pelajaran Melaka  
2. Fail Timbul




*P. Law*

Tel : 03-8317 9000 (Talian Umum)  
 Faks : 03-8317 9119 (Pentadbiran)  
 Laman web : http://www.moe.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BPPK)111/6 Jld 5

Tarikh : 27 Muharam 1431H  
 19 Januari 2010



Semua Ketua Bahagian  
 Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah

Semua Pengarah Institut Perguruan Malaysia (IPGM)

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Ketua Nazir Negeri

Semua Ketua Penolong Pengarah  
 Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

Semua Agensi Pengurusan Bagi Penempatan  
 Pegawai Kader / Pinjaman / Pertukaran Sementara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
PPD	
KUP Sekolah	
KUP Akademik	
KUP Kemahiran	
KUP Islam/Moral	
KUP Pem. Bekatan	
KU Maklumat/ICT	
Peg. Kaunseling	
UU Kewangan	
Lab. P. B.	
No. Fax	

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PERMOHONAN MENDUDUKI PENILAIAN PEMAHAMAN PTK DAN MENGULANG KOMPONEN PTK BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS) GRED DG48, DG52 DAN DG54, PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) GRED DGA34 DAN DGA38 SERTA ANGGOTA KHIDMAT SOKONGAN (AKS) GRED 26 TAHUN 2010 SECARA ATAS TALIAN SESI 1 TAHUN 2010.**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia akan mengadakan Penilaian Pemahaman PTK sesi 1 tahun 2010 pada tarikh **17 April 2010** (Sabtu). Sehubungan itu, bahagian ini akan membuka permohonan baru menduduki Penilaian Pemahaman PTK dan permohonan mengulang komponen PTK pada **1 - 28 Februari 2010** secara atas talian kepada pegawai-pegawai berikut:

- 2.1 PPS Gred DG48, DG52 dan DG54 serta PPPLD Gred DGA34 dan DGA38 di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) termasuk pegawai kader/ tukar sementara/ pinjaman; dan
  - 2.2 Anggota Kumpulan Sokongan (Bukan Gunasama) Gred 26 di KPM.
3. Calon-calon yang ingin memohon untuk menduduki Penilaian Pemahaman PTK di Tahap Kecekapan (TK) berkenaan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:-
- 3.1 telah dinaikkan pangkat secara Hakiki atau Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred berkenaan; atau
  - 3.2 telah diluluskan dan ditempatkan memangku/ ditukar sementara/ dipinjamkan di gred berkenaan.
4. Calon yang memangku/ ditukar sementara/ dipinjamkan boleh menduduki PTK di gred yang dipangku/ ditukar sementara/ dipinjamkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- 4.1 telah lulus PTK di gred hakiki;
  - 4.2 hanya dibenarkan menduduki PTK satu gred lebih tinggi sahaja daripada gred hakiki; dan
  - 4.3 keputusan PTK tertinggi tidak lebih daripada ARAS III.
5. Calon-calon yang sedang berkhidmat di luar negara atau sedang bercuti di dalam atau luar negara (cuti belajar, cuti tanpa gaji atau cuti separuh gaji) juga boleh memohon sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti di perenggan 3 di atas. Pusat Penilaian bagi calon di atas akan ditentukan seperti berikut:

BIL	KATEGORI CALON	PUSAT PENILAIAN
1	Bercuti dalam negeri	Pusat PTK berhampiran dengan alamat kediaman calon
2	Bercuti luar negara	Pusat PTK dibuka di MSD
3	Bertugas di luar negara	Pusat PTK dibuka di MSD

6. Calon-calon pertama kali atau yang mengulang dan mendapat / masih mendapat keputusan Aras III semasa menduduki Pusat Penilaian Kompetensi (PPK) pada tahun 2009 hanya **diberi peluang sekali sahaja** lagi untuk memperbaiki keputusan PTK di TK yang sama pada tahun 2010 atau tahun berikutnya. Oleh itu, calon perlu membuat persediaan mencukupi bagi memastikan peluang dimanfaatkan sepenuhnya.

7. Calon-calon yang sedang menunggu keputusan PTK adalah **tidak layak** untuk memohon bagi mengikuti ulangan PTK. Walau bagaimanapun calon-calon yang menunggu keputusan rayuan semakan keputusan PTK layak untuk memohon.

8. Bagi calon-calon yang mengulang, hanya keputusan terbaik yang dicapai oleh calon akan diambil kira bagi menentukan keputusan PTK pada TK berkenaan.

9. Calon-calon yang layak dan berminat samada calon baru atau yang ingin mengulang hendaklah mengemukakan permohonan mengikut langkah-langkah yang dinyatakan di bawah:

#### 9.1 Arahan kepada calon

- (i) Calon hendaklah membuat permohonan secara atas talian melalui laman web BPPK di alamat seperti berikut: <http://apps.emoe.gov.my/bppk/>;
- (ii) Calon boleh menyemak status permohonan dan soalan Tugas Individu di laman web BPPK 2 minggu selepas tarikh tutup permohonan pendaftaran;
- (iii) Calon perlu memuat turun Tiket Penilaian Pemahaman PTK di laman web BPPK sebulan selepas tarikh tutup permohonan pendaftaran;
- (iv) Calon perlu menyerahkan salinan Akuan Permohonan kepada Ketua Jabatan untuk makluman dan rujukan.
- (v) Bagi sekolah yang tiada akses internet, calon perlu mengisi borang permohonan Penilaian Pemahaman PTK dan menyerahkannya kepada wakil sekolah atau PPD berdekatan untuk tujuan permohonan (pendaftaran) secara atas talian.

#### 9.2 Arahan kepada Ketua Jabatan

- (i) Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan pelawaan untuk permohonan baru atau mengulang komponen Penilaian Pemahaman PTK secara atas talian kepada calon berkenaan dan memastikan tiada calon yang tertinggal dalam urusan ini;
- (ii) Ketua Jabatan juga hendaklah menyemak dengan teliti dan menyimpan salinan Akuan Permohonan yang diserahkan oleh calon;
- (iii) PPD adalah diminta menyebarkan arahan ini dan mengedarkan borang permohonan (bagi sekolah tiada akses internet sahaja) ke sekolah-sekolah yang mempunyai calon-calon yang layak untuk membuat permohonan Penilaian Pemahaman PTK (borang permohonan boleh dimuat turun dan dicetak daripada laman web BPPK).

10. Adalah ditingkatkan bahawa tarikh akhir permohonan secara atas talian bagi Penilaian Pemahaman PTK ini adalah pada **28 Februari 2010**. Permohonan tidak dibenarkan selepas tarikh tersebut.

11. Pegawai-pegawai di BPPK yang boleh dihubungi jika terdapat sebarang pertanyaan atau kemusykilan adalah seperti berikut:-


- (i) Pn. Puteri Azlina bt. Megat Ramli (03-8317 9060);
- (ii) Cik Nur Diyana bt. Muhammad Isror (03-8317 9065);
- (iii) En. Shah Anwar b. Hamzah (03-8317 9069); atau
- (iv) Pegawai yang bertanggungjawab bagi urusan PTK di peringkat bahagian/ jabatan masing-masing.

13. Di atas segala kerjasama Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berikan di dalam hal ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(HAJI JAMALUDIN BIN YAHAYA)**  
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd. Dom  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.Bhg. Datuk Haji Kamaruzaman bin Haji Mohd. Noor  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Pelajaran Malaysia